



Kem Matematik KEJURUTERAAN

👉 Nur Aimi Muslim

Pada 23, 24, 26 dan 27 Disember 2009, Unit Kaunseling & Kerjaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menganjurkan Kem Matematik Kejuruteraan yang diadakan di Dewan Kuliah Institut Matematik Kejuruteraan. Kem tersebut melibatkan pensyarah-pensyarah daripada Institut Matematik Kejuruteraan, kakitangan Unit Kaunseling & Kerjaya dan 56 pelajar UniMAP.

Peralihan dari alam persekolahan ke alam universiti ini kadangkala menyukarkan para mahasiswa untuk membuat penyesuaian diri. Hal ini boleh menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian akademik. Ditambah pula dengan kekurangan minat terhadap matapelajaran yang diambil dan kekangan-kekangan lain yang terpaksa dilalui oleh para mahasiswa. Justeru bagi membantu para mahasiswa untuk mempertingkatkan pencapaian dan memupuk minat dalam menimba ilmu, kem tersebut diharapkan sedikit sebanyak membawa perubahan terhadap motivasi dan pencapaian mereka.

Antara pengisian program tersebut adalah slot motivasi yang dikendalikan oleh Unit Kaunseling & Kerjaya, teknik belajar berkesan dalam matematik melalui bimbingan khas daripada para pensyarah dan bagaimana meningkatkan potensi diri terutama dalam meningkatkan kecemerlangan akademik para peserta.

Antara tujuan kem tersebut adalah :

- Meningkatkan asas-asas kefahaman matematik kejuruteraan
- Meningkatkan penguasaan dalam matematik kejuruteraan
- Meningkatkan motivasi pengupayaan pelajar terhadap matematik kejuruteraan

